

Kerajaan komited kukuhkan kewangan, ekonomi negara

➔ Malaysia perlu berdaya tahan berdepan persekitaran semakin mencabar

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kepelbagaian struktur ekonomi dan sumber pendapatan negara, pembangunan berterusan projek infrastruktur mega, pembinaan jaringan perhubungan pengangkutan serta mempertingkatkan eksport adalah usaha yang sedang dilaksanakan kerajaan.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata langkah itu bertujuan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dan ekonomi negara supaya berdaya tahan berdepan persekitaran luar yang semakin mencabar.

Menerusi kepelbagaian, jelas beliau, kerajaan tidak perlu terlalu bergantung kepada sesuatu sektor atau sumber pendapatan tertentu dan ia dilihat lebih mapan.

Kurang kebergantungan

"Dari segi struktur ekonomi, Malaysia sudah mengurangkan kebergantungan dalam komoditi yang kini berkurangan kepada 18 peratus, sementara dari segi eksport, negara ini tidak terlalu bergantung kepada pasaran tertentu, sebaliknya ia lebih seimbang antara pasaran," jelasnya.

Beliau juga gembira dengan keberanian kerajaan untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dari segi manfaatnya, ia dilaksanakan dengan betul dan tepat pada masanya.

"Ia (GST) juga sebenarnya diperkenalkan ketika harga minyak mula mencatatkan kejatuhan mendadak, justeru membantu mengekang kesan pengurangan pendapatan daripada minyak dan gas.

"Jika kita tidak melaksanakan GST, makan kedudukan kewangan negara akan terjejas. Ia akan menyebabkan kerajaan mengurangkan perbelanjaan pembangu-

Info

Abdul Wahid Omar

➔ **Dilantik Ahli Dewan Negara** pada 5 Jun 2013
➔ **Seterusnya dilantik sebagai Menteri** di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Unit Perancang Ekonomi
➔ **Terbabit dalam merangka** Rancangan Malaysia Ke-11

nan seperti pembinaan hospital, sekolah dan jalan raya," katanya pada temu bual bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, Khamis lalu.

Abdul Wahid berkata, langkah kerajaan menggalakkan penyer-taan tinggi sektor swasta untuk memacu pertumbuhan ekonomi juga berfungsi dengan baik yang mana hasilnya, pada tahun lalu, pelaburan swasta meningkat kepada 68 peratus daripada keseluruhan pelaburan.

Pengangkutan awam lebih cekap

Beliau berkata, pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur mega juga bukan saja menyokong ekonomi pada ketika ia dibina, malah setelah projek berkenaan siap dibina.

"Manfaat ketika pasca pembinaan adalah lebih penting dan lebih mapan kerana ia menjadikan pengangkutan awam menjadi lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan peluang membuka kawasan aktiviti ekonomi baharu," katanya.

Abdul Wahid turut melihat pembangunan jaringan pengangkutan dan logistik penting untuk menam-

pung peningkatan eksport negara.

Beliau berkata, peningkatan eksport penting untuk mengukuhkan lebih perdagangan negara pada masa depan.

Mengenai pembangunan projek menerusi Perkongsian Awam Swasta (PPP), Abdul Wahid berkata, ia membantu mempercepat pembangunan projek infrastruktur.

Beliau berkata, kapasiti kewangan kerajaan untuk mempercepat pembangunan projek infrastruktur adalah terhad.

Oleh itu, katanya, kerajaan memperkenalkan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang membenarkan sektor swasta untuk membangunkan kemudahan infrastruktur atau bangunan untuk kerajaan dan kerajaan akan membuat pembayaran pajakan secara bulanan atau tahunan.

"Jika menunggu bajet perbelanjaan kerajaan, dan kemudian baru memulakan pembinaan, saya takut banyak jalan raya tidak akan dibina kerana bajet tidak mencukupi.

"Oleh itu, kita menggunakan PPP dengan mendapatkan kerjasama swasta bagi membantu mempercepat pembinaan infrastruktur," katanya.